

14 AUG 2002

Mahathir-Ekuestrian/I

BANTU PERKEMBANGAN SUKAN EKUESTRIAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa sektor awam dan swasta supaya menghulurkan bantuan bagi menyuburkan sukan ekuestrian kerana ia akan memberi manfaat kepada atlet dan negara.

"Sungguhpun ekuestrian belum popular seperti bola sepak, badminton atau sukan permotoran, namun ia berpontensi sebagai sukan berprofil tinggi," katanya dalam buku program Makan Malam Gala Ekuestrian sempena Terbuka Malaysia 2002 dan Merdeka Masters 2002 di sini malam ini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi adalah tetamu kehormat majlis itu.

Dr Mahathir berkata ekuestrian adalah sukan baru di Malaysia tetapi ia semakin mendapat tempat dan kian popular.

Beliau berkata antara kelebihan sukan itu di Malaysia ialah ia tidak memerlukan susuk badan yang besar berbanding sukan lain seperti bola sepak atau olahraga.

"Dengan berbekalkan kemahiran, seseorang itu boleh bersaing tanpa mengira susuk badan," katanya.

Dr Mahathir berkata kelebihan itu memberi masa depan cerah kepada Malaysia di persada dunia dengan penunggang negara telah berjaya mencapai beberapa kejayaan membanggakan dalam sukan itu.

Sementara itu, Presiden Persatuan Ekuestrian Malaysia (PEM) Md Azar Ismail berkata negara akan menghantar pasukan "dressage" dan "show jumping" ke Sukan Asia 2002 di Busan, Korea Selatan Oktober depan.

Katanya, PEM kini sedang membuat persediaan dan melatih atlet negara bagi menghadapi sukan itu.

Terbuka Malaysia 2002 berlangsung pada 25 hingga 28 Julai lepas manakala Merdeka Master 2002 akan diadakan pada 22 hingga 25 Ogos ini.

Pada majlis itu, Abdullah turut menyampaikan Anugerah Penunggang Terbaik 2001 kepada Mohd Qabil Ambak Mahamad Fathil bagi kategori "showjumping" dan "dressage".

Mohd Qabil yang memenangi empat pingat emas pada Sukan SEA 2001, turut layak memasuki pusingan akhir Kejohanan Ekuestrian Dunia bagi kategori showjumping di Sepanyol September depan.

Turut menerima anugerah berkenaan ialah Datuk Kamaruddin Abdul Ghani bagi kategori "endurance" dan Husref Malek bagi kategori "eventing".

Abdullah juga menyampaikan sijil penghargaan kepada peserta ekuestrian negara yang memenangi pingat pada Sukan SEA lepas.

-- BERNAMA

RZS MUN MOZ LAT